

18/07/1998

GPMS adakan siri bincang buku Dr Mahathir

KUALA LUMPUR, Jumaat - Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) akan mengadakan siri wacana intelektual bagi membincangkan buku karya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, *The Way Forward*, di seluruh negara mulai bulan depan.

Sesi pertama wacana intelektual itu akan diadakan di sebuah hotel di sini pada 15 Ogos depan dengan membabitkan barisan ahli panel berpengalaman merangkumi tokoh politik, korporat, pemimpin belia dan golongan pelajar.

Presiden GPMS, Datuk Suhaimi Ibrahim, berkata kesedaran menganjurkan wacana khas bagi membincangkan buku *The Way Forward* timbul kerana menganggap karya Perdana Menteri itu perlu dikongsi bersama oleh semua lapisan masyarakat.

"GPMS menyifatkan buku itu dapat membantu semua pihak memahami apa yang diperjuangkan oleh Dr Mahathir selama ini selain berkongsi pandangan jauh beliau dalam menjana kemajuan negara," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Suhaimi berkata, penganjuran sesi wacana itu dianggap sebagai suatu usaha GPMS mengumpul semua khazanah ilmu yang dihasilkan oleh Perdana Menteri untuk didedahkan sebagai bahan yang boleh memantapkan pemikiran rakyat.

"Ketika sesi wacana itu nanti, orang ramai akan diajak berbincang serta berbahas secara terbuka buku *The Way Forward* dan tentunya hasil sesi itu mampu membantu negara menjayakan setiap dasar," katanya.

Beliau berkata, GPMS amat berbangga dengan penghasilan buku itu dan berharap rakyat juga berasa megah dengan inisiatif yang dilakukan oleh Perdana Menteri itu.

Menurutnya, selepas sesi wacana pertama di sini, GPMS merancang mengadakan wacana yang sama di Kuantan pada bulan yang sama diikuti Pulau Pinang.

"GPMS mahu menganjurkan wacana itu di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak dengan meminta pembabitan setiap Menteri Besar atau Ketua Negeri," katanya.

Mengenai sesi wacana pertama di sini pada 15 Ogos depan, Suhaimi berkata, dijangkakan lebih 200 peserta termasuk golongan pelajar akan menyertai sesi itu.

Menurutnya, wacana itu akan diadakan mulai jam 10 pagi dan ia terbuka kepada semua pihak dengan penyertaan percuma bagi golongan pelajar.

Sehubungan itu, orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat mengenai wacana itu boleh menghubungi Setiausaha Eksekutif GPMS, Mohd Romei Ngah dengan menghubungi talian 03-2973119 atau datang ke Bangunan GPMS, No 1, Jalan Sultan Salahuddin, 50480, Kuala Lumpur.

Buku karya Dr Mahathir, *The Way Forward* dilancarkan oleh bekas Perdana Menteri Britain, Baroness Margaret Thatcher, di London pada 7 Julai lalu.

*The Way Forward*, yang diterbitkan oleh Weidenfeld & Nicolson dipasarkan pada harga STG16 senaskhah (RM108) dan boleh didapati di semua kedai buku terkemuka di Britain, Malaysia dan Singapura.

Buku itu mengandungi lima esei Dr Mahathir yang mengetengahkan diskusi berhubung kejayaan dan kegagalan beberapa dasar kerajaan sejak Malaysia merdeka pada 31 Ogos 1957.

(END)